

Pasang CCTV pantau kejadian jenayah

KOSMO 26/01/08 M15 14

KUALA LUMPUR - Beberapa lokasi sekitar bandar raya yang menunjukkan kadar jenayah yang tinggi akan dipasang dengan kamera litar tertutup (CCTV).

Usaha tersebut dilakukan bagi mengurangkan kegiatan jenayah yang kerap berlaku kebelakangan ini yang melibatkan orang awam.

Bagaimanapun, menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim Borhan menjelaskan, perbincangan dengan pihak polis sedang dilakukan berhubung lokasi penempatan CCTV supaya ia diletakkan di tempat yang strategik, di mana kerapnya berlaku jenayah.

"Pemasangan CCTV di tempat-tempat awam perlu dan dengan pemasangan CCTV, ia serba sedikit dapat membantu mengurangkan kadar jenayah kerana segala pergerakan orang awam dapat dipantau setiap masa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyerahan Lesen Penjaja Wilayah Persekutuan di Stadium Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa yang turut dihadiri oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, di sini semalam.

KOSMO! semalam melaporkan Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu

(ITIS) yang sebelum ini digunakan sebagai pelapor kesesakan jalan raya akan dinaik taraf memantau kejadian jenayah sama seperti fungsi CCTV.

Dalam pada itu, jumlah CCTV yang akan dipasang di sekitar bandar raya akan ditambah sebanyak 56 buah lagi menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 113 buah.

Sehubungan itu, pihak kementerian merancang untuk mengintegrasikan CCTV di bawah pengawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, polis, ITIS dan Perbadanan Putrajaya untuk kawal selia dengan baik.